

**KENYATAAN MEDIA**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Wilayah Persekutuan)

DBKL TURUNKAN KADAR CAJ TAPAK BAZAR RAMADAN TAHUN 2026**23 JANUARI 2026**

1. Kerajaan MADANI melaksanakan penambahbaikan menyeluruh terhadap penganjuran Bazar Ramadan 2026 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur selaras dengan komitmen memperkukuh tadbir urus, melindungi kebajikan penjaja kecil serta menjaga kepentingan awam. Penganjuran bazar tahun ini berteraskan prinsip tersusun, telus, berintegriti dan adil melalui pengurusan yang jelas melibatkan kawal selia pihak berkuasa tempatan, penglibatan komuniti penjaja serta keutamaan kepada keselesaan pengguna.

2. Bagi tahun 2026, pelaksanaan model pengurusan hibrid oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengekalkan peranan DBKL sebagai pihak bertanggungjawab terhadap kawal selia, pelesenan dan penguatkuasaan manakala persatuan penjaja mengurus operasi harian tapak bazar. Pendekatan ini dibentuk hasil penilaian pelaksanaan lalu, dapatan post-mortem operasi serta libat urus bersama pihak berkepentingan bagi menutup kelemahan sedia ada dan memperkemas peranan setiap pihak.

3. Antara dapatan utama hasil post-mortem pelaksanaan terdahulu yang dikenal pasti ialah:

- Pelaksanaan permohonan secara terbuka dan penawaran petak melalui proses undian telah menyebabkan penafian hak penjaja berlesen sedia ada di beberapa lokasi bazar; dan
- Wujud ketidakpuasan hati dalam kalangan persatuan penjaja kerana tidak dapat membantu ahli-ahli persatuan yang telah sedia ada berniaga di beberapa lokasi tapak bazar.

4. Penganjuran tahun ini melibatkan 41 lokasi petak niaga. Sebanyak 9 lokasi petak niaga berada di bawah seliaan DBKL, manakala 32 lokasi petak dikendalikan oleh persatuan penjaja. Tiga persatuan utama yang terlibat ialah Pertubuhan Pasar Malam Kuala Lumpur (PMKL), Persatuan Penjaja-Penjaja dan Peniaga-Peniaga Kecil Melayu Wilayah Persekutuan (PPPKMWP) serta Persatuan Peniaga dan Penjaja Bumiputera Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PPPBWPKL) bagi memastikan penglibatan menyeluruh penjaja di peringkat akar umbi serta pemantauan penganjuran yang lebih jelas.

5. Bagi meringankan kos penjaja kecil, kerajaan menetapkan kadar caj maksimum RM400 bagi tapak Bazar Ramadan di bawah seliaan DBKL, iaitu pengurangan RM100 berbanding RM500 pada tahun 2025. Kadar caj yang sama turut diwajibkan ke atas persatuan penjaja bagi mengelakkan sebarang beban kewangan yang tidak munasabah dikenakan ke atas penjaja. Kerajaan MADANI menegaskan bahawa sebarang amalan sublet, jual beli tapak atau pengambilan untung berlebihan adalah dilarang sama sekali dan tindakan penguatkuasaan akan diambil tanpa kompromi terhadap mana-mana pelanggaran, termasuk yang melibatkan penganjur.

HANNAH YEOH
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

